

Ujian

Oleh Wan Noorli Razali

Hidup adalah tempat Ujian,
Yang telah lama dijanjikan,
Untuk melihat iman,
pada kita sebagai sandaran.

Ujian bukan pada tiada,
pada hilang dan pada papa,
Ujian jua pada berharta,
pada senang tanpa meminta.

Ujian bukan hanya kerana orang asing,
banyak keluarga dan orang sekeliling,
Ujian bukan hanya sekejap,
terkadang panjang tanpa senyap.

Ujian bukan hanya sekali,
tiap saat tiada mati,
Ujian bukan sekadar dosa,
terkadang datang sebagai pahala.

Tiada ukur ujian antara kita,
tampak sama serupa tiada,
had terima kita berbeda,
walau searah denai bersatu tiada.

Apa yang penting kita tetapkan,
Kalimah Allah s.w.t dipegang iman,
Gerak Rasul s.a.w contoh tauladan,
Ke akhir nafas kita kekalkan,
selagi bernyawa bersama ingatkan.